



KENYATAAN MEDIA

PERKESO UMUM PENGECUALIAN FCLB DAN DISKAUN KOMPAUN

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan mengecualikan **Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB)** kepada majikan yang belum mendaftar dengan PERKESO tetapi melakukan pendaftaran dalam tempoh **1 Mac hingga 30 Jun 2021**.

Pengecualian ini terpakai kepada pendaftaran di bawah kedua-dua **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)** dan **Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)**. Manakala bagi majikan yang telah melewati tempoh tersebut, **diskaun akan diberikan kepada kompaun** yang dikenakan.

Kedua insentif ini merupakan penghargaan daripada PERKESO bersempena Sambutan Jubli Emas pertubuhan ini, ke atas kerjasama dan sokongan majikan-majikan di seluruh negara selama ini. Ianya juga bertujuan meringankan beban kewangan majikan kerana PERKESO sedia maklum akan kesukaran yang dihadapi para majikan dalam situasi pandemik COVID-19.

Saya ingin menyeru kepada semua majikan yang layak dan masih belum mendaftar di bawah Akta-akta tersebut supaya tampil berbuat demikian. Pendaftaran majikan boleh dilakukan secara dalam talian melalui Portal ASSIST dengan melayari www.perkeso.gov.my.

Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah **487,706 majikan aktif berdaftar** di bawah Akta 4 dengan **8.57 juta pekerja** kini mendapat perlindungan PERKESO. PERKESO juga telah memperluaskan skop liputan Akta 4 kepada pekerja asing yang bekerja secara sah di negara ini, berkuatkuasa 1 Januari 2019, di mana seramai **1.6 juta pekerja asing** telah didaftarkan sehingga kini.

Kegagalan majikan untuk mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka dalam tempoh yang ditetapkan adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan perkompanaan dan

pendakwaan. Sekiranya didakwa di mahkamah dan sabit kesalahan, majikan boleh dijatuhi hukuman **denda sehingga RM10,000.00 atau penjara sehingga dua tahun atau keduanya sekali**. Selain itu, majikan juga akan dikenakan **faedah pada kadar 6 peratus setahun di atas caruman yang lewat dibayar** jika lewat mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan. Sejak tahun **2010 hingga 31 Disember 2020**, sebanyak **17,471** kes telah diterima untuk didakwa di bawah Akta 4 atas pelbagai kesalahan.

Bersempena dengan Sambutan Ulangtahun ke-50, PERKESO telah menyediakan pelbagai acara menarik yang disasarkan untuk semua lapisan masyarakat. Antaranya, Pertandingan Fotografi “PERKESO GRAPHY”, Pertandingan Mencipta Jingle, Pertandingan Debat, Pidato dan Deklamasi Sajak, Anugerah Media serta Karnival PenjanaKerjaya 50 Tahun PERKESO. Program-program berbentuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) juga diatur seperti “Clean The Planet”, Program Bersama Ibu Tunggal, Anak Angkat PERKESO dan “Jelajah Prihatin.” Juga dalam agenda adalah Kaji Selidik Kesedaran dan Kualiti Perkhidmatan PERKESO. Kemuncak kepada acara sambutan ialah “Gala Dinner”, bagi meraikan pemegang taruh seperti majikan selain mereka yang berjasa sepanjang 50 tahun pewujudan PERKESO.

Pra-Pelancaran Sambutan Jubli Emas PERKESO, dengan tema “**Prihatin Lima Dekad dan Selamanya,**” telah dilaksanakan pada hari ini. Segala maklumat berhubung aktiviti-aktiviti sepanjang Sambutan Jubli Emas PERKESO boleh didapati di laman sesawang serta media sosial rasmi PERKESO dari semasa ke semasa.

DATO’ SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO’ AZIZ MOHAMMED

KETUA EKSEKUTIF

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

1 MAC 2021

DISCLAIMER

PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengkalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan- peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.